

PM, Pemangku Raja Pahang bincang isu pulihara Harimau Malaya

BERNAMA



Kepupusan spesies harimau Malaya akibat kegiatan pemburu haram secara agresif di hutan simpan Taman Negara.

Kuala Lumpur: Perancangan jangka panjang dalam memulihara spesies Harimau Malaya antara perkara dibincangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dengan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah.

Ismail Sabri dalam kenyataan di laman Facebook, malam tadi, berkata, perbincangan itu berlangsung pada pertemuan dengan Tengku Hassanal yang berkenan mencemar duli melawat Pejabat Perdana Menteri, petang Isnin lalu.

"Perbincangan adalah mengenai perancangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang dalam usaha memulihara penghidupan Harimau Malaya di Pahang dan bantuan boleh diberikan Kerajaan Persekutuan.

"Saya menyembah maklum mengenai tindakan telah diambil Kerajaan Persekutuan serta perancangan jangka panjang untuk memulihara Harimau Malaya," katanya.

Perdana Menteri berkata, Harimau Malaya adalah haiwan hampir pupus dan terdapat kurang daripada 150 ekor di negara ini yang sebahagian besarnya di Pahang.

Sebelum ini, Ismail Sabri berkata, jika tindakan segera tidak diambil, Malaysia berdepan risiko kepupusan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara, lambang negeri serta pelbagai kementerian, jabatan dan agensi.

Disiarkan pada: Februari 24, 2022